

27 NOV 1998

MUSTAPA-JEPUN

PASUKAN PENGUMPUL MAKLUMAT JEPUN TEMUI PEGAWAI PERBENDAHARAAN

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Satu pasukan pengumpul maklumat Jepun mengenai pakej bantuan Miyazawa telah menemui Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Datuk Dr Aris Othman di sini hari ini, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau bagaimanapun berkata beliau tidak tahu apa yang dibincangkan pada pertemuan itu.

"Saya tidak terlibat mengenainya. Mereka tidak menemui saya dan setiap perkara mengenai pelan Miyazawa diselaraskan oleh Tun Daim (Zainuddin, Menteri Tugas-Tugas Khas)," katanya kepada pemberita selepas membuka restoran Taza Bar B Q Chicken.

Mengenai laporan berita yang mengatakan satu pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pengurus-pengurus dana asing dijadualkan akan diadakan minggu depan, Mustapa berkata beliau tidak tahu mengenainya.

Menurut laporan, pertemuan itu diadakan untuk meminta dihapuskan moratorium setahun dalam penghantaran balik dana asing dari Malaysia.

Mustapa juga mengulangi bahawa kerajaan tidak menghapuskan langkah-langkah kawalan modal berpilih.

Mengenai restoran Taza yang dibuka hari ini, Mustapa berkata pelaburan oleh Kumpulan Fakieh dari Arab Saudi itu di sini menunjukkan keyakinan mereka kepada negara walaupun dalam kelembapan ekonomi ini.

"Ia bermakna masih ada peluang-peluang perniagaan yang cerah di Malaysia," katanya.

Mustapa berkata peluang-peluang perniagaan antara Malaysia dan Arab Saudi masih banyak tetapi tidak diterokai sepenuhnya.

"Saya harap pembukaan restoran ini akan meningkatkan perdagangan dua hala antara negara-negara Arab dan Malaysia."

Restoran Taza Bar B Q Chicken adalah rangkaian restoran segera dari Arab Saudi yang dimiliki oleh Fakieh Poultry Farms. Di Malaysia, restoran ini dikendalikan oleh FBD (Malaysia) Sdn Bhd. FBD adalah pemegang induk francais bagi Malaysia, Brunei dan Singapura.

Pengarah FBD Essam O. Fakieh berkata syarikat itu telah melabur RM2 juta bagi restoran di Bangsar ini. Ia merupakan restorannya yang pertama di Malaysia.

FBD merancang untuk membuka 49 restoran lagi dalam tujuh tahun di negara ini, Restoran kedua akan dibuka dalam tiga bulan lagi.

Fakieh berkata Malaysia akan menjadi pangkalan serantau bagi rangkaian restoran Taza Bar B Q.

-- BERNAMA

AD JR MA